

Perkembangan Pemikiran Ekonomi Islam

(Siri 1)

Bagi yang berminat dengan sistem dan praktis pasaran ekonomi, tentunya kita biasa mendengar nama-nama tokoh ekonomi barat yang menghuraikan teori masing-masing. Nama seperti Adam Smith (1790 M) dengan karyanya *Wealth of Nations*, Edmund Burke (1797 M) bersama *Thoughts and Details on Scarcity*, David Ricardo (1823 M) dengan karyanya *On the Principles of Political Economy and Taxation*, Karl Marx (1883 M) dengan *Das Kapital* ataupun sebagai contoh John Maynard Keynes (1946 M) bersama karyanya *Economic Consequences for the Peace* dan lain-lain. Tentunya ada yang bertanya sama ada wujud atau tidak tokoh-tokoh ekonomi Islam yang setanding dengan nama-nama sarjana barat yang menulis dan menghuraikan teori ekonomi Islam secara mendalam dan menawarkan solusi terhadap isu-isu ekonomi semasa.

Sebagai agama yang diturunkan sebagai rahmat yang menawarkan sistem hidup yang lengkap, tema ekonomi cukup banyak disentuh oleh 2 sumber utama pensyariatannya iaitu Al-Quran dan As-Sunnah. Sebagai contoh mudah, majoriti ayat di dalam Al-Quran yang menceritakan tentang perintah menunaikan solat yang merupakan kewajipan harian sering disertakan dengan perintah menunaikan zakat yang merupakan kewajipan harta keatas umat Islam. Menurut Professor Muhyiddin Atiyyah, ada sebanyak 324 istilah ekonomi dan kewangan terdapat di dalam Al-Quran seperti mana yang dikumpulkan dalam kajian beliau. Kita juga mampu melihat beberapa mesej utama Rasulullah sallahu ‘alaihi wasallam yang berkisar tentang syarat kesejahteraan ekonomi. Antaranya apabila seorang Badawi meminta dengan keras hutangnya agar dibayar oleh Rasulullah, baginda menegur para sahabat yang memarahi badwi tersebut atas kekasarannya. Rasulullah seraya berpesan hendaklah kamu sentiasa bersama dengan orang mempunyai hak.

أولئك خيار الناس إنه لا قدست أمة لا يأخذ الضعيف فيها حقه غير متعنع

Mereka (para badwi) adalah dikalangan sebaik-baik manusia. Sesungguhnya sebuah ummat/bangsa tidak akan gemilang kecuali orang yang lemah dikalangan mereka mampu mengambil hak mereka tanpa perlu meminta-minta. (Riwayat Ibnu Majah: 2426)

Lihatlah bagaimana Rasulullah menekankan bahawa antara syarat kegemilangan dan kesejahteraan ekonomi adalah dengan memastikan bahawa golongan yang lemah benar-benar

dipelihara dan dibela. Ini bertepatan dengan sebuah firman Allah yang menjelaskan tentang objektif pensyariaan tatakelola harta dalam Islam:

كي لا يكون دولة بين الأغنياء منكم

Agar harta tidak berlegar-legar dikalangan orang kaya di kalangan kamu.

(Surah Al-Hasyr: 7)

Ayat diatas menerangkan bahawa keadilan sosial dan keadilan dalam pembahagian kekayaan adalah diantara teras penting dalam ekonomi Islam. Bahkan hikmah ini juga disadari oleh para ahli ekonomi moden hingga kita dapat menyaksikan bahawa antara kiraan penting dalam menilai keadilan sosial sesebuah negara adalah menerusi ‘*Gini Coefficient*’ yang dikira menurut agihan perolehan pendapatan sesebuah masyarakat.

Tentang karya yang bertemakan ekonomi Islam, Dr. Yasir Hourani ada menulis sebuah kitab yang dibeli judul *Masadir At-Turath Al-Iqtisadi Al-Islami* (Sumber Karya Turath Ekonomi Islam). Karya yang diterbitkan oleh *International Institute of Islamic Thought* (IIIT) ini menghimpunkan kira-kira 350 tajuk buku beserta dengan 282 nama penulis dalam topik berkaitan ekonomi dimulai dengan tulisan Abu Hamzah At-Thumali yang wafat pada tahun 150 H. Namun, Dr. Yasir di hujung karyanya menyatakan bahawa malangnya kajian semasa terhadap segala karya terdahulu ini amat terfokus kepada beberapa tajuk dan tema sahaja contohnya Al-Kharaj (pemerolehan negara). Itupun, kajian yang dilakukan hanya tertumpu kepada beberapa penulis sedangkan ada 30 lagi kitab dengan tajuk yang sama yang belum dikaji semula.

Menurut As-Syeikh Dr, Ali Muhyiddin Qurahdaghi, karya-karya mengenai ekonomi Islam ini boleh diklasifikasi kepada dua iaitu:

- i. Asas Ekonomi: seperti kitab *Al-Kasb* oleh Imam Muhammad As-Syaibani (wafat 189H) dan *Al-Isyarah Ila Mahasin At-Tijarah* (Penunjuk kepada Kebaikan Perniagaan) oleh Abu Fadhl Ad-Dimasyqi yang selesai dikarang pada 570 H.
- ii. Sistem Kewangan: seperti kitab Al-Kharaj oleh Imam Abu Yusuf dan kitab *Kitab Al-Ardh Wa Al-Miyah Wa Al-Jibal Wa Al-Bahr* (Hukum Tanah, Air, Bukit dan Lautan) oleh Sa’dan Ibn Mubarak (wafat 220 H)

*Artikel siri ke-2 akan menyenaraikan contoh karya ekonomi Islam menurut tema-temanya yang pelbagai. Turut akan disenaraikan tulisan-tulisan semasa serta beberapa karya yang ditulis oleh tokoh-tokoh Nusantara.